

Jumlah mangsa banjir meningkat

KOTA BHARU - Jumlah mangsa banjir di Kelantan yang dipindahkan ke pusat pemindahan semalam meningkat kepada seramai 1,990 orang berbanding 827 orang kelmarin.

Jajahan Pasir Mas terutamanya kawasan Rantau Panjang merekodkan jumlah mangsa tertinggi dengan 1,945 orang daripada 672 keluarga dipindahkan di 15 pusat pemindahan.

Portal e-banjir Kelantan di laman web <http://ebanjir.kelantan.gov.my> melaporkan, di jajahan Pasir Puteh pula seramai 24 mangsa daripada enam keluarga masih ditempatkan di se-



Banjir

buah pusat pemindahan.

Selain itu, sebanyak 33 buah sekolah dari jajahan Pasir Mas, Tumpat,

Kuala Krai dan Tanah Merah yang dilanda banjir sejak kelmarin masih ditutup semalam.

Sementara itu, cuaca cerah semalam membantu meredakan banjir gelombang ketiga di Kelantan apabila paras air di lima sungai utama menunjukkan penurunan walaupun Sungai Golok masih berada di paras bahaya.

Di **Terengganu**, keadaan banjir di negeri itu beransur pulih apabila jumlah mangsa banjir berkurangan kepada 338 orang

berbanding 3,703 kelmarin.

Pusat pemindahan mangsa banjir juga berkurangan kepada sembilan buah di daerah Besut dan Setiu berbanding 52 di empat daerah kelmarin.

Dalam pada itu, sebanyak tiga buah sekolah di Setiu masih ditutup semalam manakala 24 buah sekolah lagi yang ditutup kelmarin telah dibuka mulai semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains Teknologi dan Sumber Manusia negeri, Datuk Ahmad Razif Abd. Rahman berkata, sekolah-sekolah tersebut ialah Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Las, SK Lubuk Teras dan SK Kampung Bukit.



PESTA. Sebahagian daripada mangsa banjir mengambil kesempatan meredah air di pekan Rantau Panjang, Kelantan semalam.